

22 SEP 2000

Aziz-Seragam

KERAJAAN SERAGAM KEMASUKAN PELAJAR AGAMA KE IPT LUAR NEGARA

KOTA BAHARU, 22 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan membuat kajian untuk menyeragamkan kemasukan pelajar Malaysia dalam pengajian keagamaan di institusi pengajian tinggi (IPT) luar negara khususnya di Asia Barat.

Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Samsudin berkata penyeragaman itu membabitkan usaha Kementerian Pendidikan, Jabatan Perkhidmatan Awam, badan yang mengeluarkan pinjaman dan institusi lain yang berkaitan.

"Langkah ini bagi memastikan pelajar berkenaan berjaya dalam pengajian," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Cabang Empat, Tumpat hari ini.

Menurutnya pelajar Malaysia yang gagal dalam peperiksaan di Universiti Al-Azhar, Mesir seperti yang dilaporkan media baru-baru ini terdiri daripada pelajar persendirian.

"Mereka mempunyai kelayakan untuk belajar di universiti itu ketika proses kemasukan, tetapi gagal menumpukan perhatian dalam pelajaran semasa berada di universiti kerana lebih banyak terbabit dalam aktiviti bercorak politik dan akhirnya gagal," katanya.

Abdul Aziz berkata perbuatan pelajar itu mengutamakan politik daripada pelajaran merugikan mereka sendiri jika mereka gagal menamatkan pelajaran.

"Kita mahu mereka kembali kepada asas dan bertindak sebagai pelajar. Kalau mereka nak jadi ahli politik (selepas tamat belajar), kita alu-alukan (mereka)," katanya.

Mengenai saranan supaya kajian semula dilakukan terhadap peranan universiti pada alaf baru bagi menentukan graduannya memiliki gandingan ilmu dan budaya mulia serta tidak menyalah- gunakannya, beliau berkata kajian itu patut melibatkan IPT awam dan swasta.

Katanya ini kerana setiap IPT mempunyai tanggungjawab terhadap negara dan apa yang berlaku di kalangan lulusan IPTA juga boleh berlaku di kalangan lulusan IPTS.

Saranan itu telah ditimbulkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas merasmikan kampus induk Universiti Malaysia Sabah di Teluk Sepanggar, Selasa lepas.

-- BERNAMA

SM RAR NMO